

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Kolej Risda julang sektor pertanian

21. Apr 2008

Berita Harian

Supplement

217920

2083000

Language MALAY

Page No 12

Article Size 463 cm2

Frequency Daily

Color Full Color



Kolej Risda julang sektor pertanian

SEKTOR pertanian terus dipergiatkan sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ini.

Untuk itu kerajaan terus memperkukuhkan komitmen dengan memberi sinar kemilangan kepada sektor pertanian.

Menyedari kepentingan sektor pertanian ini untuk pembangunan negara, Kolej Risda menyediakan peluang bagi mereka yang mahu menceburi bidang ini untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pertanian.

Buat masa ini, Kolej Risda menawarkan Diploma Pertanian dan Diploma Pengurusan Ladang iaitu program kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Program kedua ialah Pra Diploma Sains yang ditawarkan sebagai feeder kepada program Diploma Pengurusan Ladang. Ketiga-tiga program ini dijalankan di kampus utama Kolej Risda di Ayer Pa'abas Melaka.

Program ini dijangka menambahkan lagi bilangan usahawan tani dan tenaga profesional pertanian negara ini.

Beberapa kursus baru pertanian menunggu kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) iaitu program Diploma Pengurusan Landskap dan Hortikultur; dan Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan.

Diploma Pertanian adalah program kerjasama yang diadakan dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) di mana kualiti pembelajarannya dipantau dan dikawal selia UPM. Graduan kursus ini diiktiraf oleh UPM.


Pengiktirafan diploma ini juga melayakkan semua graduan berkenaan melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menawarkan kursus lanjutan bidang pertanian.

Sementara itu, bermula pada sesi pengambilan pelajar pada Julai 2008 ini, Kolej Risda menawarkan program Diploma Pengurusan Ladang dan Pra Diploma Sains.

Program ini adalah kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM), di mana Kolej Risda juga Kolej Bersekutu UiTM.

Graduan diiktiraf UiTM serta selaras kehendak pasaran kerjaya masa depan. Program Pra Diploma Sains ini juga 'feeder' kepada program Diploma Pengurusan Ladang.

Program ini terbuka kepada lepasan Sijil



BERI PENDEHAHAN: Pelajar Kolej Risda menjalankan kajian pertanian.

Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang tidak ada kelayakan mencukupi untuk mengikuti program Diploma Pengurusan Ladang. Mereka perlu mengikuti program Pra Diploma Sains selama setahun sebelum meneruskan pengajian ke Diploma Pengurusan Ladang.

Kedua-dua program ini mendapat kelulusan MOHE dan dalam proses mendapatkan kelulusan penuh daripada Lembaga Kelayakan Malaysia (MQA) atau dulu dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Kolej Risda turut menawarkan program diploma dan pradiploma yang diluluskan MOHE dan MQA.

Semua program dijalankan di Kolej Risda Melaka. Program yang ditawarkan adalah:

- Diploma sains Komputer (UPM)
 - Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM)
 - Diploma Perakaunan
 - Diploma Keusahawanan
 - Pra Diploma Sains Komputer
 - Pra Diploma Pengurusan Perniagaan
- Dengan barisan tenaga pengajar berpengalaman, Kolej Risda komited melahirkan graduan mahir menggunakan pendekatan pertanian komersial serta teknologi terkini.

Sementara itu, kampus Kolej Risda menyediakan kemudahan lengkap bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, kawasan ladang dan kawasan amali luas untuk aktiviti pertanian.

Kelebihan Kolej Risda adalah ia satu-satunya institusi pengajian tinggi swasta (IPTs) yang menjalankan kursus pertanian peringkat diploma pertanian setakat ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian 03-42571677/42572677 (ibu pejabat Kolej Risda) dan 06-5529227/5529642 (Kolej Risda Melaka) atau melayari laman web www.kolejrisda.edu.my

INFO

Jadual Pendaftaran Terbuka Pengambilan Julai 2008

- 23 & 24 April 2008 (Rabu & Khamis)
- 28 & 29 April 2008 (Selasa & Rabu)
- - Pejabat RISDA Negeri Sembilan, Lot 999, Jalan Mufti Ahmad Medan Rahang 70100 Seremban, Tel : 06-7625199
- - Pejabat Risda Negeri Selangor, No 2, Jalan Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah Seksyen 9, 40100 Shah Alam Tel : 03-55183900
- - Pejabat RISDA Negeri Pahang, Tingkat 1, Blok A Lot 7876, Jalan Hj Junid, 25200 Kuantan Tel : 09-5141912
- - Pejabat RISDA Daerah Temerloh Jalan Bahagia 8000 Temerloh Tel : 09-2961303
- 5 & 6 Mei 2008 (Isnin & Selasa)
- 7 & 8 Mei 2008 (Rabu & Khamis)
- 12 & 13 Mei 2008 (Isnin & Selasa)
- 14 & 15 Mei 2008 (Rabu & Khamis)
- - Pejabat Risda Negeri Pulau Pinang No 532, Bagan Lebai Taher 12990 Butterworth Pulau Pinang, - 04-3238285
- - Pejabat Risda Negeri Perlis 64-G, Jalan Raja Syed Alwi 01990 Kangar - 04-9762544
- - Pejabat Risda Negeri Kedah Bangunan Risda Jalan Telok Wanjah 05990 Alor Star - 04-7331722
- - Pejabat Risda Daerah Baling Jalan Mahmud 09100 Baling - 04-4701264
- 21 & 22 Mei 2008 (Rabu & Khamis)
- 26 & 27 Mei 2008 (Isnin & Selasa)
- 3 & 4 Jun 2008 (Selasa & Rabu)
- 9 & 10 Jun 2008 (Isnin & Selasa)
- - Pejabat Risda Daerah Batang Padang/Hilir Perak No 30, Jalan Raja 35000 Tapah - 05-4013203
- - Pejabat Risda Negeri Perak No 31 & 33 Persiaran Greentown Pusat Perdagangan Greentown 31450 Ipoh - 05-55413723
- - Pejabat Risda Negeri Terengganu 20700 Jalan Sultan Ismail Tel:09-6222766
- - Pejabat Risda Daerah Dungun/Kemaman Jalan Mustafa 23000 Dungun - 09-8481215